

Tatacara Permohonan Bagi SEAMEO Youth Network

Sukacita memaklumkan bahawa permohonan kini dibukakan kepada pelajar berumur antara 15 hingga 24 tahun sebagai ahli SEAMEO Youth Network yang akan memberikan peluang untuk menyertai program-program seperti pembangunan kapasiti dan pembangunan belia. Antara manfaat yang dapat diperolehi sebagai ahli kepada rangkaian tersebut adalah seperti berikut:

- Peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti anjuran Sekretariat SEAMEO, Pusat Serantau SEAMEO dan rakan kongsi SEAMEO seperti pertandingan, biasiswa, webinar dan persidangan.
- Peluang untuk menyertai program-program pembinaan kapasiti/program pembangunan belia antara lainnya seperti pengetahuan dan kemahiran Industri 4.0, pembangunan kemahiran insaniah dan program kepimpinan belia.
- Peluang menyertai program pertukaran akademik dan budaya bagi para pelajar.
- Tiada yuran keahlian dikenakan.
- Tiada tarikh luput keahlian.

Permohonan boleh dibuat melalui pautan <https://link.seameo.org/YouthNetwork/Reg> atau melalui kod QR berikut:



Maklumat lanjut boleh didapati dari laman sesawang rasmi penganjur di https://www.seameo.org/Main_programme/389.